




Transformasi sekolah vokasional bagi melahirkan golongan berkemahiran tinggi.



Najib bersama Muhyiddin melihat **Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025**.

B/H 25/12/12 MS 22/23.

Sistem pendidikan terus diperkasa

Seiring dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi pada 2020, kerajaan kini giat menggerakkan usaha bagi memastikan negara mampu mencapai wawasan berkenaan khususnya menerusi sektor pendidikan.

Hakikatnya, bukan mudah mengendalikan sektor tumpuan utama itu kerana ia menjadi tunjang kepada pembangunan modal insan yang diharapkan dapat mencorak masa depan negara lebih cemerlang.

Tahun 2012 menyaksikan pelbagai perubahan dasar dan penambahan dilakukan Kementerian Pelajaran bagi memartabatkan pendidikan di negara ini. Paling penting, perubahan berkenaan turut mengambil kira

kokurikulum, kertas ujian dalaman, yuran Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dan insurans Takaful.

Walaupun jumlah itu mungkin tidak begitu besar bagi sesetengah ibu bapa, ia mampu meringankan beban bagi mereka yang berpendapatan rendah dan golongan miskin. Selain yuran, dua lagi insentif dihulurkan iaitu pemberian bantuan persekolahan RM100 kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah dari Tahun Satu hingga Tingkatan Lima bagi tujuan membeli peralatan sekolah dan skim buku bantuan percuma yang dinikmati kira-kira 5.3 juta pelajar.

Tahun ini pendidikan vokasional terus diperkasakan apabila seramai 386 pelajar Tingkatan Satu menjadi



Pelbagai insentif dan penambahbaikan melahirkan modal insan berkualiti



**BASIR
ZAHROM**

basir@bharian.com.my

pandangan umum, desakan, rasa tidak puas hati pelbagai pihak, begitu juga persoalan yang menuntut penjelasan lanjut.

Peristiwa pahit manis pasti ada saban tahun dan 2012 menyaksikan pelbagai usaha penambahbaikan serta pengumuman dasar baru dibuat bagi memperkasakan lagi sistem pendidikan negara, selain sebagai maklum balas kepada cabaran semasa supaya terus relevan dan berada di landasan betul untuk melahirkan seberapa ramai modal insan berkualiti.

Yuran sekolah dimansuh

Sesi baru persekolahan tahun ini mencatat sejarah apabila buat julung kali ibu bapa tidak perlu membayar yuran RM24.50 bagi sekolah rendah dan RM33.50 bagi sekolah menengah kerajaan seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika membentangkan Bajet 2012, 7 Oktober tahun lalu. Bayaran dimansuhkan itu membabitkan bayaran

perintis Program Asas Vokasional (PAV) membabitkan 15 sekolah menengah terpilih di seluruh negara selepas memulakan pembelajaran mereka sebaik sesi persekolahan baru dibuka.

Menerusi program itu, pelajar didedahkan bidang kemahiran yang juga asas vokasional pada usia lebih muda, seterusnya melayakkan mereka memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap dua sebaik menamatkan Tingkatan Tiga kelak.

Selain 15 sekolah rintis itu, 56 lagi Sekolah Menengah Vokasional (SMV) di seluruh negara diumumkan untuk dinaik taraf menjadi Kolej Vokasional (KV) tahun depan dalam usaha melahirkan lebih ramai golongan berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan tenaga kerja bidang teknikal meliputi kepelbagaian industri dalam negara.


Kolej itu akan menawarkan pengajian program Diploma Vokasional seterusnya pelajar berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat le-

Golongan pendidik turut mendapat ganj

bih tinggi selaras dengan objektif utama pelaksanaannya iaitu melahirkan modal insan berkemahiran pekerjaan aras tinggi dan menepati kehendak industri.

Kementerian menyasarkan menjelang 2014, semua 78 SMV di negara ini selesai dinaik taraf menjadi KV sekali gus mampu menyediakan pengajian dalam semua 12 bidang membabitkan 52 kursus.

Januari tahun ini juga menyaksikan Kementerian mengiktiraf 22 sekolah rendah dan menengah sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) dalam fasa keenam program itu menjadikan jumlahnya meningkat kepada 213 sekolah. Pada Februari pula, 14 sekolah terdiri da-



2025.



FAKTA NOMBOR

RM100
insentif

bantuan persekolahan pelajar sekolah rendah, menengah

15 sekolah

perintis Program Asas Vokasional (PAV)

56 sekolah

SMV di seluruh negara dinaik taraf Kolej Vokasional

213 sekolah

diiktiraf Sekolah Kluster Kecemerlangan

ngunan pendidikan negara yang melambangkan aspirasi rakyat keseluruhannya menerusi siri Dialog Nasional Pendidikan Negara (DNP) dalam usaha untuk bersama mencorak masa depan dan memartabatkan pendidikan negara.

Hasil dapatan awal pada Jun lalu yang disertai 8,415 orang daripada

kan, persidangan, seminar dan perbincangan meja bulat yang diadakan oleh pihak yang berminat mengenai pendidikan negara itu disambut reaksi berbeza oleh pelbagai golongan sama ada yang terbabit secara langsung dengan pendidikan mahupun yang tidak.

Isu skim gaji, kenaikan gred, pangkat juga sering menjadi tumpuan saban tahun dan tahun ini skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) mendapat bantahan banyak pihak sejak ia diperkenalkan termasuk daripada profesion perguruan. Ada pihak mendakwa skim itu tidak menunjukkan laluan sebenar untuk menambah baik kerjaya perguruan negara termasuk isu kenaikan gaji dan pangkat, laluan kerjaya serta kebajikan.

Mendengar pandangan pelbagai pihak, kerajaan akhirnya memansuhkan SBPA dan mengekalkan Sistem Saraan Malaysia (SSM) dengan beberapa penambahbaikan. Pengumuman yang dilakukan Najib itu melegakan 1.4 juta penjawat awam termasuk guru, apatah lagi langkah pelarasan gaji dengan kenaikan antara tujuh hingga 13 peratus serta elaun sara hidup (COLA).

Khabar gembira kepada guru

Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan bertemakan 'Guru Inovatif Melonjakkan Transformasi Pendidikan Negara' yang diadakan di Kuala Kangsar 16 Mei lalu memperdengarkan khabar gembira kepada golongan pendidik apabila Muhyiddin mengumumkan ganjaran istimewa kepada 24,053 guru lagi apabila mereka dinaikkan pangkat selepas memenuhi syarat tempoh perkhidmatan mulai Jun.

Antara kebimbangan utama ialah pelajar mengambil, merakam atau muat turun gambar negatif dan berkongsi mahupun menyebarkannya kepada rakan lain di sekolah. Selain itu, masalah kehilangan, kecurian dan pergaduhan membabitkan telefon bimbit di sekolah juga dikhuatiri berlaku. Kelekaan pelajar terhadap gajet masing-masing juga boleh mewujudkan komuniti kurang mengamalkan hubungan secara langsung dengan orang.

Kemelum penempatan graduan IPGM, ISMP

Pada 6 Oktober, pengumuman kerajaan menyelesaikan kemelum penempatan graduan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) bukti pendidikan guru sentiasa mendapat perhatian sewajarnya. Pelajar yang sudah dan bakal menamatkan pengajian tahun ini di IPGM serta IPTA akan dilantik ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS). Perkembangan itu adalah perkhayaban gembira dan jelas menunjukkan usaha kerajaan dalam memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan.

Bulan lalu, Muhyiddin sekali lagi menyampaikan berita gembira apabila mengumumkan guru, guru besar dan pentadbir cemerlang memiliki ijazah sarjana muda akan dilantik terus ke gred DG41 tanpa temu duga mulai tahun depan. Mereka yang memperoleh ijazah melalui pengajian separuh masa atau pengajian jarak jauh (PJJ) boleh memohon terus kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) untuk dicalikan daripada temu duga.

Diharap dengan segala insentif



ajaran istimewa.

ripada 10 sekolah rendah dan empat sekolah menengah diiktiraf sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) menjadikan jumlah keseluruhan SBT 66 sehingga kini.

Persaingan sihat antara sekolah

Diharap pengiktirafan itu meningkatkan usaha warga pendidik dalam melahirkan pelajar cemerlang selain dapat mewujudkan suasana persaingan sihat antara sekolah.

Bagi menambah baik sistem pendidikan negara, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengajak masyarakat memberi pandangan dan cadangan, sekali gus bersama kerajaan merangka plan pempa-

labagai lapisan masyarakat dan latar belakang pendidikan, termasuk wakil agama yang menyertai DNPB mendapati profesionalisme perguruan, aspirasi rakyat terhadap sistem pendidikan dan kemenjadian murid perlu diberi perhatian utama dalam transformasi pendidikan negara.

Kerajaan turut melancarkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 pada 11 September yang menggariskan 11 anjakan utama bagi mengubah sistem pendidikan negara. Ia akan memastikan setiap rakyat mendapat pendidikan terbaik bersandarkan keperluan semasa dan masa hadapan yang mencabar.

Perdana Menteri yang melancarkan plan itu menyifatkan ia perancangan komprehensif, berani, telus dan demokratik, dan beliau mahu setiap sasaran PPPM dapat memberi kesan kepada semua jenis sekolah sama ada Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Agama, Sekolah Mubaligh, Sekolah Swasta dan Sekolah Antarabangsa yang berada dalam sistem pendidikan negara.


PPPM yang mengandungi laporan maklum balas sesi dialog pendidi-

pelabangan itu membabitkan 8,222 guru lepasan siswazah dan 15,831 lepasan diploma yang menikmati kenaikan ke gred DG44 hingga DG54, manakala guru bukan siswazah dari GDA 32 hingga DGA38. Selain itu, 3,085 pengetua dan penolong kanan yang memenuhi syarat, menikmati kenaikan pangkat secara berperingkat berkuat kuasa tarikh yang sama. Mereka terdiri daripada 430 Pengetua yang akan dinaikkan daripada gred DG48 kepada DG52 dan 2,655 Penolong Kanan daripada DG44 kepada DG48.

Antara isu popular yang menjadi buah mulut tahun ini ialah pengumuman kebenaran membawa telefon bimbit dan gajet ke sekolah yang dicadang bermula tahun depan dengan beberapa syarat bagi memastikan ia tidak mengganggu pelajaran. Keputusan itu dibuat hasil mesyuarat Jawatankuasa Mengenai Isu Disiplin peringkat kementerian berikutan rayuan daripada ibu bapa selain faktor mendapati ia sebagai satu keperluan.

Sehingga kini tiada perkembangan terbaru mengenai isu itu walaupun ia ditolak semua persatuan guru yang menyatakan ia akan membawa banyak perkara negatif berbanding menjadi keperluan.

yang sudah atau yang akan diberikan kepada pendidik yang bernaung di bawah Kementerian Pelajaran dapat memberi suntikan motivasi untuk mereka dalam membantu kementerian itu melonjakkan lagi kecemerlangannya supaya terus meneraju sektor pendidikan negara ke satu tahap lebih membanggakan.



Kebeneran **pelajar membawa telefon bimbit ke sekolah** mencetus bantahan pelbagai pihak.